



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 16/2009**

Mengukur Tanah Untuk Mengeluarkan Hakmilik Tetap



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 16/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 16/2009

Mengukur Tanah Untuk Mengeluarkan Hakmilik Tetap

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan semua Pentadbir-pentadbir Tanah supaya sentiasa memberi perhatian kepada pengukuran halus bagi tanah-tanah yang telah diambil balik sebahagian dan tanah-tanah yang telah diluluskan permintaan Permohonan Ukur (P.U.) bagi menentukan pengeluaran suratan hakmilik tetap.

2. Mengikut subseksyen 25(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, bagi tanah yang telah diambil balik sebahagiannya, Pentadbir Tanah hendaklah menyemak semula/meminda cukai tanah tahunan berdasarkan anggaran kluasan baki tanah yang tinggal dan hendaklah diukur semula untuk dikeluarkan hakmilik sambungan. Setelah selesai baki tanah diukur semula, Pentadbir Tanah hendaklah:-

- i) bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran dan hakmilik Pejabat Tanah, tanah tersebut perlu didaftar dan dikeluarkan hakmilik sambungan (subseksyen 26(1) Akta Pengambilan Tanah 1960);
- ii) bagi tanah-tanah yang dipegang di bawah Daftar Sementara Akta Kanun Tanah Negara (Melaka dan Pulau Pinang) 1963, hakmilik sambungan hendaklah dikeluarkan dengan mengganti dan mendaftarkannya di atas folio baru mengikut bentuk yang sama seperti folio berhubungan dengan lot asal (subseksyen 26(2), Akta Pengambilan Tanah 1960); dan
- iii) bagi pengambilan sebahagian tanah yang dipegang di bawah hakmilik sementara, Pentadbir Tanah (Pendaftar) hendaklah membuat pembetulan terhadap sempadan pelan tanah dalam dokumen hakmilik daftar dan dokumen hakmilik keluaran (subseksyen 26(3), Akta Pengambilan Tanah 1960).

3. Pengukuran semula ini perlulah disegerakan supaya tidak membebankan tuan tanah asal daripada membayar cukai yang berlebihan. Pada masa sekarang, cara menguruskan kerja-kerja pengukuran ialah dengan menyiapkan permintaan mengukur '*Requisition of Survey*' semasa Daftar A.A dan A.O atau semasa mendaftar suratan hakmilik sementara. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan kerja-kerja itu telah diketepikan atau lambat diuruskan.

4. Diingatkan bahawa kerja-kerja pengukuran semula tersebut hendaklah dilakukan selepas Pentadbir Tanah menghantar Permohonan Ukur (P.U.) kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di semua negeri supaya kerja-kerja ukur dijalankan dan diberi keutamaan seperti berikut:-

- i) Baki kawasan tanah yang tidak diambil balik;
- ii) Tanah-tanah yang masih berpegang dengan A.A/A.O;
- iii) Tanah-tanah yang di bawah hakmilik sementara.

Jika pengambilan tanah tersebut adalah untuk maksud awam dan kerja-kerja ukur dilakukan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), pengecualian bayaran ukur boleh dipohon kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri yang berkenaan.

5. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan. Dengan kuat kuasa pekeliling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 6/1973 dengan ini dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009